

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Dr Noor Hisham merasmikan buku 'The Fight Against Uncertainty - Hospital Services Journey in Combating COVID-19' di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Rohaizat Yon (kiri) dan Dr Soo Chun Paul dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

(Foto BERNAMA)

2,525 kes baharu, lapan kematian tutup tirai 2020

Selangor kembali rekod jangkitan harian tertinggi dengan 47.7 peratus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Hari terakhir 2020 semalam menyaksikan kes positif COVID-19 di negara ini sekali lagi merekodkan angka tertinggi dengan 2,525 kes baharu, selain lapan lagi korban akibat virus maut itu dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, berkata pertambahan itu menjadikan kumulatif 113,010 kes positif sehingga semalam dengan 23,598 kes aktif, selain 471 kematian atau 0.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, Selangor kembali merekodkan jangkitan harian tertinggi dengan 1,205 kes positif atau 47.7 peratus daripada keseluruhan kes dilaporkan semalam.

"Daripada jumlah itu, 995 kes

atau 82.6 peratus adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Selain Selangor, Sabah mencatatkan jumlah tinggi dengan 229 kes atau 11.8 peratus, manakala Melaka dengan 239 kes bersamaan 9.5 peratus.

"Sebanyak 304 kes (12.0 peratus) berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (285 kes), Kluster Pagar Siput (lapan kes), Kluster Tembok Mempaga (lima kes), Kluster Pagar Bentong (dua kes), serta masing-masing satu kes membabitkan Kluster Tembok Gajah, Kluster Tembok, Kluster Kolam Air dan Kluster Penjara Seberang Perai," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengenai lapan kematian, katanya tiga dilaporkan di Selangor, dua di Johor dan masing-masing satu di Kelantan, Negeri Sembilan dan Kedah.

Katanya, semua kes kematian itu membabitkan warganegara yang mempunyai penyakit kronik, iaitu lima lelaki dan tiga wanita berusia antara 39 hingga 79 tahun.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan sehingga

jam 12 tengah hari semalam, terdapat 1,481 kes sembuh dilaporkan menjadikan kumulatif 88,941 kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 atau 78.7 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau turut memaklumkan, lima kluster baharu jangkitan COVID-19 dikesan, iaitu dua di Johor dan masing-masing satu di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Katanya, Kluster Jalan Gajah membabitkan daerah Klang hasil saringan sebuah kilang dan kini sudah menjangkiti 20 individu.

"Kluster Jalan Datuk dikesan hasil saringan di tempat kerja membabitkan daerah Titiwangsa, Kepong, Lembah Pantai, Klang, Hulu Langat dan Putrajaya serta menjangkiti 23 individu.

"Di Johor Bahru dan Pontian, Kluster Kampung Baharu dikesan hasil saringan bersasar di kilang serta kontak rapat dan kini menjangkiti 35 kes. Di Johor Bahru juga, Kluster Pekeliling dikesan hasil saringan sebuah kilang dan sudah menjangkiti 27 individu.

"Akhir sekali, Kluster Jalan Rasah membabitkan daerah Seremban dan Putrajaya sudah menjangkiti 17 individu," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL



Dr Rohaizat Yon

Dr Rohaizat tamat tugas di Kementerian Kesihatan

Kuala Lumpur: Selepas lebih empat bulan kembali daripada persaraan untuk menabur bakti, Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan) Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Rohaizat Yon, sekali lagi menamatkan tugasnya di kementerian berkenaan, semalam.

Persaraan Dr Rohaizat yang pernah digelar 'panglima perang' dalam menentang COVID-19, diumumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melalui Facebook rasminya.

"Tidak terucap betapa kami dan rakyat Malaysia menghargai jasa dan pengorbanan beliau dalam menerajui Program Perubatan KKM selama ini. Tanpa mengenai penat lelah, masa dan hari, Datuk Dr Rohaizat sentiasa bersedia untuk melaksanakan tugas dan amanah beliau.

"Semoga segala jasa dan bakti Datuk Dr Rohaizat diberkati dan dikurniakan rezeki dan ganjaran di dunia dan akhirat, Insya Allah," katanya yang turut menitikkan pantun khas buat panglima perangnya itu.

*Di atas batu hinggapnya murai
Berlagu kicauan terasa tenang
Tibalah waktu melabuhkan tirai
Baktimu Tuan dikenang-kenang.*

Dr Rohaizat bersara wajib pada 10 Jun lalu selepas berkhidmat selama 35 tahun, 10 hari sebelum dipanggil bertugas semula secara kontrak sehingga semalam, demi membantu KKM, terutama berkaitan perkhidmatan hospital dalam mengharungi saat getir memerangi COVID-19. BERNAMA

 **Tidak terucap
betapa kami dan
rakyat Malaysia
menghargai jasa dan
pengorbanan beliau
dalam menerajui
Program Perubatan
KKM selama ini.**

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MINDA PEMBACA

Ketetapan muzakarah isu vaksin wajar dipatuhi

Ketetapan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 23 Disember lalu bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus serta mewajibkan pengambilannya kepada golongan ditetapkan seperti warga emas serta petugas barisan hadapan, perlu diterima kerana ia selari kaedah pencegahan dianjurkan Islam.

Justeru, dakwaan yang mengatakan vaksin COVID-19 diperbuat daripada bahan tidak halal dan meragukan tidak seharusnya diperbesar kerana Islam sudah menyediakan panduan jelas berdasarkan al-Quran dan sunah.

Malah, Mesyuarat Khas MKI Ke-10 pada 3 Disember lalu secara jelas memutuskan vaksin bakal diterima nanti tidak diperbuat bahan haiwan dan tiada unsur berasal daripada haiwan.

Suara skeptikal berkait keberkesanan dan kesan sampingan penggunaan vaksin perlu dihentikan segera daripada terus meracuni fikiran rakyat.

Berikan keyakinan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dalam soal pemilihan vaksin COVID-19 kerana KKM mempunyai kepakaran mengenainya. KKM mempunyai bahagian yang akan mengkaji data dan menilai risiko setiap ubatan, termasuk vaksin COVID-19.

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) KKM sentiasa memantau keberkesanan dan keselamatan vaksin sebaik diterima untuk memastikannya selamat digunakan.

Vaksin bukanlah perkara baharu di negara ini. KKM sejak sekian lama menyediakan pelbagai perkhidmatan imunisasi untuk penduduk seperti suntikan vaksin campak, beguk dan rubella (MMR) kepada bayi berusia sembilan bulan, difteria dan kancing gigi (tetanus) bagi murid Tahun Satu, Human Papillomavirus (HPV) bagi pelajar perempuan Tingkatan Satu dan ATT (dos tambahan vaksin tetanus) bagi pelajar Tingkatan Tiga.

Meskipun suntikan vaksin bukanlah penawar sepenuhnya kepada COVID-19, sekurang-kurangnya ia memberi lebih keyakinan kepada rakyat kembali melakukan rutin harian seperti sebelum ini. Hakikat pemberian vaksin dapat membantu memulihkan ekonomi dan sosial rakyat seharusnya tidak dinafikan. Secara asasnya apabila

sebuah negara mengumumkan mereka dalam proses mendapatkan bekalan vaksin, pasaran saham akan meningkat disebabkan keyakinan pelabur.

Perlu ditegaskan selagi tiada vaksin, semua pihak akan terus berada dalam keadaan tidak pasti sama ada akan wujud lagi sekatan seperti dilaksanakan, iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelbagai fasa. Apa yang pasti, atas faktor ketiadaan vaksin buat masa ini, beberapa sektor ekonomi tidak dapat berfungsi sepenuhnya.

Isu remeh yang membabitkan kelewatan kerajaan menerima vaksin, iaitu sekitar suku pertama tahun hadapan berbanding negara jiran, Singapura yang menjadi negara pertama di Asia menerimanya pada 21 Disember lalu tidak harus diperdebatkan.

Umum sedia maklum kedudukan ke-

wangan negara ketika ini tidak setara dengan negara maju lain.

Seperti dijelaskan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaludin baru-baru ini, setiap rundingan dibuat secara berhemah.

Banyak faktor perlu diperhalusi seperti kuantiti pembelian, jarak pengantaran, keberkesanan dan kesesuaian vaksin, pengurusan penyimpanan serta golongan sasaran. Ia juga tidak boleh dibuat sewenang-nangnya kerana membabitkan risiko kesihatan, keselamatan dan sumber kewangan negara.

Dalam pada itu, perbincangan di Dewan Rakyat mengenai harga pembelian vaksin COVID-19 untuk Malaysia menimbulkan kontroversi mengelirukan. Ada pemimpin politik mempertikaikan rasional peruntukan pembelian vaksin serta kriteria pemilihan syarikat pengeluar vaksin.

Berdasarkan kenyataan media, kerajaan memeterai beberapa perjanjian dengan beberapa syarikat farmaseutikal terkemuka dunia membabitkan kos sejumlah RM2.05 bilion akan merangkumi 82 peratus penduduk negara. Ia melebihi sasaran awal, iaitu 70 peratus. Justeru, tidak timbul isu ketirisan.

Rumusnya, jalan terbaik membendung penularan pandemik ini adalah dengan penggunaan vaksin. Usaha takut pada vaksin.



Mohd Salleh Osman,
Presint 16, Putrajaya

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Selangor catat 1,205 penularan harian menjelang tahun baru

Kes Covid-19 negara pecah rekod lagi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Penutup tahun 2020 semalam menyaksikan Malaysia kembali melaporkan kes harian melonjak kepada angka 2,000 iaitu sebanyak 2,525 kes sekali gus tertinggi sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara.

Daripada jumlah tersebut, Selangor merekodkan kes tertinggi sebanyak 1,205 kes dengan 995 kes membabitkan kluster-kluster dan saringan kontak rapat, diikuti Sabah sebanyak 299 kes dan Melaka sebanyak 239 kes.

Sebanyak 304 kes pula melibatkan Kluster Penjara Jalan Harapan (285 kes), Kluster Pagar Siput (lapan kes), Kluster Tembok Mempaga (lima kes), Kluster Pagar Bentong (dua kes) serta Kluster Tembok Gajah, Kluster Tembok, Kluster Kolam Air dan Kluster Penjara Seberang Perai (masing-masing satu kes).

Terdapat lapan lagi kematian baharu di Johor, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Kedah membabitkan lima lelaki dan tiga wanita berusia antara 39 hingga 79 tahun menjadikan sebanyak 471 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan,



PROSES saringan terhadap peniaga dan pekerja di Pasar Awam Banting, Kuala Langat semalam.

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 49 kluster melaporkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi adalah Kluster Seruling (371 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan

(285 kes) dan Kluster Teratai (151 kes).

Menurutnya, lima lagi kluster baharu dikenal pasti dan satu daripadanya ialah Kluster Jalan Galah yang juga kluster tempat



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	2,525
• Import: 13	Tempatan: 2,512
• Pulih	1,481
• Kematian	8
• Masih dirawat	23,598
• Jumlah kes sembuh	88,941
• Jumlah Kematian	471
Jumlah kes keseluruhan	113,010

kerja di Klang, Selangor membabitkan 22 kes iaitu hasil saringan bersasar di sebuah kilang.

"Kluster Jalan Datuk pula di Titiwangsa, Kepong dan Lembah Pantai di Kuala Lumpur, Klang dan Hulu Langat di Selangor serta Putrajaya membabitkan kes indeks lelaki berusia 41 tahun iaitu saringan bergejala dan sehingga kini 23 kes positif dikesan.

"Seterusnya Kluster Kampung Baharu di Johor Bahru dan Pon-

tian, Johor melibatkan 35 kes positif iaitu saringan bersasar di sebuah kilang dan saringan kontak rapat," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Pekeliling pula iaitu kluster tempat kerja dikesan di Johor Bahru dengan 27 kes positif iaitu saringan bersasar di sebuah kilang.

"Selain itu, Kluster Jalan Rasah dikenal pasti di Seremban, Negeri Sembilan dan Putrajaya dengan kes indeks lelaki berusia 72 tahun iaitu kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan sehingga kini 17 kes positif dikesan," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, sebanyak 13 kes import mendapat jangkitan dari luar negara, manakala kes penularan tempatan mencatatkan sebanyak 2,512 kes.

Ujarnya lagi, tiga lagi kluster tamat iaitu Kluster Teduh di Sabah, Kluster Jaya di Negeri Sembilan dan Selangor serta Kluster Berendam di Melaka dan Johor yang kesemuanya tiada kes kematian, menjadikan sebanyak 286 kluster ditamatkan sehingga kini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes tertinggi penutup tirai 2020

2,525 kes dicatat pada Khamis menjadikan jumlah kumulatif kes positif 113,010

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Menutup tirai 2020, sekali lagi kes baharu positif Covid-19 merekodkan angka tertinggi dengan 2,525 kes sejak pandemik itu melanda negara akhir Januari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif di negara ini sebanyak 113,010.

"Kes aktif dengan kadar kebolehtangkitan adalah 23,598 kes," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, Selangor melaporkan 1,205 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes di negeri itu 32,393 kes.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 995 kes adalah daripada Kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan," katanya.

Beliau berkata, selepas beberapa ketika, kes di Sabah kembali melonjak dengan 299 kes dengan jumlah keseluruhan kes di negeri itu 37,040 kes.

"Melaka merekodkan 239 kes, diikuti Kuala Lumpur (222), Johor (194), Pulau Pinang (92), Negeri Sembilan (78), Labuan (63) Perak (33), Kedah (24), Terengganu (17) dan Pahang (15) kes.

"Putrajaya melaporkan lima kes manakala dua di Sarawak," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 304 kes yang dilaporkan berkaitan Kluster

di lokap, depot tahanan imigrasi dan penjara.

"Ia membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan 285 kes, Kluster Pagar Siput (8), Kluster Tembok Mempaga (5), Kluster Pagar Bentong (2), Kluster Tembok Gajah (1), Kluster Tembok (1), Kluster Kolam Air (1), dan Kluster Penjara Seberang Perai (1)," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, terdapat 131 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 60 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, sebanyak lapan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan yang membabitkan pesakit di hospital Semenanjung.

"Tiga kematian dilaporkan di Hospital Sungai Buloh, Selangor, dua di Johor dan masing-masing di Kelantan, Kedah dan Negeri Sembilan.

"Kesemua pesakit berumur 39 hingga ke 79 tahun itu mempunyai penyakit kro-

31 DISEMBER 2020

2525


KES POSITIF TERTINGGI HARIAN

nik," katanya.

Sementara itu, bilangan kes sembuh dilaporkan adalah 1,481 kes.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada Covid-19 adalah 88,941 kes bersamaan 78.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Perang lawan Covid-19 belum tamat

Usaha KKM bendung penularan pandemik itu tetap diteruskan

PUTRAJAYA

Peperangan melawan pandemik Covid-19 masih belum tamat, malah kian sengit yang memerlukan kesepaduan rakyat dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menanganinya, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, usaha KKM membendung penularan Covid-19 dalam negara tetap diteruskan dan kemudahan kesihatan awam dalam mendepani pandemik itu setakat ini masih boleh bertahan.

"Peperangan masih belum tamat dan semakin sengit. Kita perlu bersatu dan kesepaduan akan membezakan sama ada kita akan menangani Covid-19 dengan baik," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku mewah berjudul *The Fight Against Uncertainty: Hospital Services Journey in Combating Covid-19* yang dilaksanakan secara maya di sini



Dr Noor Hisham melancarkan buku *The Fight Against Uncertainty: Hospital Services Journey in Combating Covid-19* di Kementerian Kesihatan, Putrajaya pada Khamis.

pada Khamis.

Sambil mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua rakyat Malaysia, Dr Noor Hisham sekali lagi mengingatkan masyarakat supaya mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) dan elak tempat serta ruang sesak ketika berhimpun di ambang tahun baharu bersama keluarga.

"Kalau boleh jangan berhimpun, kalau terpaksa berhimpun pastikan dalam jumlah kurang 10 orang dan patuh SOP," katanya.

Dr Noor Hisham juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga KKM, petugas barisan hadapan serta petugas media yang bersama-sama KKM memerangi Covid-19 sepanjang 2020.

"Tempoh setahun ini, peperangan itu adalah kelesuan mental dan fizikal untuk petugas KKM dan juga rakyat. Kita masih belum menang dan diharap 2021 kalau semua orang patuh SOP, insya-ALLAH kita boleh putus rantai Covid-19," katanya. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

23,598 ACTIVE CASES

2,525 CASES A NEW RECORD

Selangor continues to have most number of infections at 1,205 cases

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA bade farewell to 2020 with 2,525 new Covid-19 cases reported up to noon yesterday, its highest-ever single day tally.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the new infections had pushed the national tally to 113,010 with 23,598 active cases.

He said all, except 13 cases, were local transmissions.

"Selangor continues to record the highest number of new cases at 1,205 (47.7 per cent).

"Of this total, 995 cases (82.6 per cent) are from clusters and close-contact screening," he said in a statement, adding that Sabah logged 299 cases (11.8 per cent), while Melaka logged 239 cases (9.5 per cent).

He said 12 per cent (304 cases) of the tally were linked to clusters in lockups, immigration detention centres and prisons.

These include the Jalan Harapan Prison cluster with 285 new cases, Pagar Siput cluster (eight), Tembok Mempaga cluster (five), Pagar Bentong cluster (two), and one each from the Tembok Gajah cluster, Tembok cluster, Kolang Air cluster and Seberang Prai cluster.

"Up to noon today (yesterday), 1,481 patients have been dis-



Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah launching the book 'The Fight Against Uncertainty: Hospital Services Journey in Combating Covid-19', at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

charged, bringing the recovery tally to 88,941."

He said 131 patients were being treated at intensive care units and 60 of them required breathing assistance.

Dr Noor Hisham said eight deaths, involving five men and three women, were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre, raising the country's death toll to 471 (0.42 per cent).

All deaths were recorded in the peninsula, with three in Selangor, Johor (two), and one each in Kelantan, Negri Sembilan and Kedah.

The Health Ministry, he said, had detected five more clusters,

with four linked to the workplace, over the past 24 hours.

The first cluster, called the Jalan Galah cluster, was in Klang district in Selangor.

"Cases from this cluster tested positive starting Dec 13, following a targeted screening at a factory.

"Up to today (yesterday), 90 people were screened, with 22 testing positive."

The second, the Jalan Datuk cluster, involved Titiwangsa, Kepong and Lembah Pantai in Kuala Lumpur with 23 cases.

"The index case from this cluster (Case 103,899) tested positive on Dec 26 following symptomatic individual screening."

The third, the Kampung Ba-

haru cluster, involved Johor Baru and Pontian districts in Johor with 35 confirmed to have the virus.

Cases from this cluster were tested positive starting Dec 23, following a targeted screening at a factory and close-contact screening, Dr Noor Hisham said.

The fourth, the Pekeliling cluster, involved the Johor Baru district in Johor with 27 cases detected starting Dec 21, following a targeted screening at a factory.

The fifth, the Jalan Rasah cluster, involved Seremban district in Negri Sembilan and Putrajaya.

"The index case of this cluster (Case 98,370) was a Severe Acute Respiratory Infection case that

tested positive on Dec 23. Forty-seven people were screened up to noon (yesterday) with 17 testing positive."

He said three clusters ended yesterday, namely the Teduh cluster, Jaya cluster and Berendam cluster.

There are 255 active clusters, with 49 clusters recording new cases yesterday.

Among the clusters with high new cases were the Seruling cluster with 371 cases, Jalan Harapan prison cluster (285) and Teratai cluster with 151 cases.

Meanwhile, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the authorities nabbed 301 people for flouting the standard operating procedures (SOP) on Wednesday.

He said 298 of them were slapped with compounds, while three were remanded.

"Among the offences were failure to adhere to physical distancing procedures (149); not wearing a mask (77); failure to provide registration materials for patrons (63); participating in entertainment centres activities (two) and others (10)," he said.

On Op Benteng, the authorities detained 31 undocumented foreigners and two boat skippers. Six vehicles were seized.

Ismail Sabri said the Housing and Local Government Ministry had conducted 36 sanitisation operations nationwide, covering 14 red zones, orange zones (four), yellow zones (seven) and green zones (two).

Ismail Sabri urged people to adhere to the SOP to keep people safe.

"The year 2021 will be more challenging and require us to be stronger.

"Let us all pray that the arrival of 2021 will open a new chapter, especially in facing the Covid-19 pandemic," he said.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation		Malaysia																									
(As at 7pm Dec 30, 2020)		New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered																			
		2,525		113,010		471 (+8)		88,941 (+1,481)																			
		Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N.Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan										
		0	+24	+92	+33	+1,205	+37	+17	+15	+78	+239	+194	+299	+2	+222	+5	+63										
Asean+		Indonesia	Philippines	Japan	Myanmar	China	Singapore	S. Korea	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos														
Confirmed cases		743,198	474,064	226,596	123,740	87,052	58,599	60,740	6,884	1,456	366	157	41														
Deaths		22,138	9,244	3,349	2,664	4,634	29	900	61	35	0	3	0														
Recovered		611,097	439,796	189,466	106,121	82,050	58,411	42,271	4,240	1,323	361	149	40														
Global Top 10		US	India	Brazil	Russia	France	UK	Turkey	Italy	Spain	Germany																
Confirmed cases		20,216,991	10,267,283	7,619,970	3,159,297	2,600,498	2,432,888	2,194,272	2,083,689	1,921,115	1,719,829																
Deaths		350,778	148,774	193,940	57,019	64,381	72,548	20,642	73,604	50,689	33,486																
Recovered		11,998,794	9,860,280	6,707,781	2,554,340	193,045	N/A	2,078,629	1,445,690	N/A	1,302,600																

2,525 infections reported

Record high number of cases on last day of 2020

By TARENCE TAN
 newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia reported a record high 2,525 Covid-19 cases on the last day of 2020, bringing the total number of cases in the country to 113,010.

In a statement yesterday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were also eight deaths, bringing the cumulative death toll to 471, which translates to a fatality rate of 0.42%.

Selangor recorded the highest number with 1,205 (47.7%) cases, followed by Sabah (299) and Melaka (239), he added.

There were 13 imported cases.

He said 131 cases were being treated in intensive care units with 60 requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham also said there were 1,481 recoveries yesterday, bringing the total number to 88,941.

He said the ministry identified five new Covid-19 clusters yesterday while three

had ended.

The five new clusters are Jalan Galah, Jalan Datuk, Kampung Baharu, Pekeliing and Jalan Rasah.

The Jalan Galah cluster, involving Selangor's Klang district, saw 22 cases after 90 individuals were screened from Dec 13-31, said Dr Noor Hisham.

The Jalan Datuk cluster, which involved Titiwangsa, Kepong, Lembah Pantai, Klang, Hulu Langat and Putrajaya areas, reported 23 positive cases after 34 individuals were screened from Dec 26-31.

The Kampung Baharu cluster involved the Johor Baru and Pontian districts in Johor, where 35 cases were detected from 194 individuals who were screened in a factory from Dec 23-31.

The Pekeliing cluster, involving the Johor Baru district, reported 27 positive cases after 185 individuals were screened in a factory from Dec 21-31.

The Jalan Rasah cluster, which involved Seremban and Putrajaya, reported 17 cases

after 47 individuals were screened from Dec 23-31.

The three clusters that were closed yesterday were Teduh, Jaya and Berendam, putting the number of active clusters to 2,256.

"From that figure, 49 clusters recorded a rise in cases," said Dr Noor Hisham, who urged the public to adhere to the SOP.

Meanwhile, a Health Ministry survey of 212,006 respondents showed 67% of them would accept the Covid-19 vaccine, while 17% remained unsure and another 16% did not agree to being vaccinated against Covid-19.

The survey's findings, published on the ministry's Twitter account yesterday, described those who were either hesitant or objected to the vaccination as being worried about the side effects of the vaccine.

"Of the 17% that are unsure of the vaccination, 71% said they were not certain if the vaccine would be safe to use," said the ministry on the survey conducted from Dec 21-28.

Chong tests positive, Wisma MCA sanitised

PETALING JAYA: The MCA's headquarters in Jalan Ampang is undergoing sanitisation after Public Services and Complaints Department head Datuk Seri Michael Chong tested positive for Covid-19.

Chong is currently self-isolating at home. MCA said upon receiving news that Chong tested positive, it had immediately shut the office of the Public Services and Complaints Department located on the seventh floor of Wisma MCA for thorough sanitisation to be conducted.

"MCA headquarters also immediately arranged for all staff in the said department to undergo Covid-19 tests.

"The management of Wisma MCA has carried out sanitisation work for the entire building," it said in a statement yesterday.

According to Chong, he got tested after several of his friends who attended a gathering with him on Dec 26 experienced symptoms related to Covid-19.

"I was told to be in isolation and if there are any symptoms, only then will I be hospitalised," he told *The Star* yesterday.